

15 FEB 2001

Umno-Pemimpin

PEMIMPIN UMNO SENDIRI PERLU DIPERSALAHKAN, KATA AZIM

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Pemimpin-pemimpin Umno harus dipersalahkan di atas kehilangan sokongan orang Melayu peringkat akar umbi terhadap parti itu, kata seorang ketua pemuda bahagian, hari ini.

Ketua Pemuda Bahagian Bukit Bintang Datuk Abdul Azim Mohd Zabidi berkata sesetengah pemimpin parti terutama di peringkat bahagian dan cawangan tidak petah berucap dan gagal melengkapkan diri mereka dengan fakta-fakta penting untuk menangkis pembangkang.

Azim, yang juga pengerusi Bank Simpanan Nasional, berkata demikian selepas menyertai sesi berborak Internet secara langsung dengan orang ramai, anjuran Umno-Online di sini, hari ini.

"Walaupun Umno belum lagi sebuah kapal yang karam, parti ini nyata kehilangan cengkamannya berikutan kegagalannya untuk menyalurkan dengan sempurna maklumat kepada peringkat akar umbi.

"Memang, kita patut admit (akui) benda-benda macam ini. Ini adalah salah pemimpin Umno juga. Bukannya salah rakyat, bukan salah pucuk pimpinan tetapi salah pemimpin Umno yang tidak turun ke akar umbi untuk menerangkan isu-isu semasa yang telah membawa kemerosotan sokongan kepada Umno," katanya.

Azim menggesa barisan pemimpin Umno sekarang, dari semua peringkat jawatan, supaya bersedia dan melengkapkan diri mereka dengan fakta kukuh sebelum melakukan sesuatu atau mereka akan menjadi bahan ketawa.

Mengenai sesi berborak Internet itu, Azim berkata kebanyakan soalan adalah bijak yang dikemukakan kepadanya oleh mereka yang mengambil berat tentang masa depan Umno dan relevannya kepada senario politik negara.

Sesi berborak itu, yang diadakan di pejabat Umno-Online di Pusat Dagangan Dunia Putra, berlangsung selama sejam mulai 3.30 petang.

Azim adalah tetamu ketiga dalam sesi berborak Internet Umno-Online, dengan yang pertama ialah Menteri Penerangan yang juga Setiausaha Agung Umno Tan Sri Khalil Yaakob dan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menjadi tetamu sesi berborak Internet Umno-Online pada bulan depan.

-- BERNAMA

RBZ AU NAK